*** Setiap petang jam 4 akan diadakan ceramah (tertakluk pada perubahan).**

*Semua program tertakluk kepada pertukaran.*

# PAKEJ 15 HARI

| | TARIKH | WAKTU | PROGRAM | TEMPAT BERKUMPUL |
|---|---|---|---|---|
| **1** | *27/8/17*<br>*Ahad*<br>**5**<br>**Zulhijjah** | 6.30 pagi | **HAJI TAMATTU'**<br>Tawaf & Saie Umrah<br>**HAJI IFRAD**<br>Tawaf Qudum & Saie Haji | Lobi Shisha |
| **2** | *28/8/17*<br>*Isnin*<br>**6**<br>**Zulhijjah** | 6.30 pagi | Ziarah Kota Makkah<br>Al-Mukarramah<br>Umrah Tana'im | Lobi Shisha |
| **3** | *29/8/17*<br>*Selasa*<br>**7**<br>**Zulhijjah** | 7 pagi<br>4.30 ptg<br><br>Selepas<br>Isya' | Ziarah Jamrah<br>Taklimat keberangkatan<br>ke Arafah<br>Bacaan doa Yaasin, doa selamat | Lobi Shisha<br>Dewan Musollah |
| **4** | *30/8/17*<br>*Rabu*<br>**8**<br>**Zulhijjah** | | Berangkat ke Arafah untuk<br>Wukuf<br>***Waktu keberangkatan akan ditetapkan semasa di Shisha.*** | Lobi Shisha |
| **5** | *31/8/17*<br>*Khamis*<br>**9**<br>**Zulhijjah** | | Wukuf di Arafah<br>Muzdalifah | |
| **6** | *1/9/17*<br>*Jumaat*<br>**10**<br>**Zulhijjah** | | Lihat ms 43 untuk gerakan<br>ibadah Haji | |

| | TARIKH | WAKTU | PROGRAM | TEMPAT BERKUMPUL |
|---|---|---|---|---|
| 7 | *2/9/17*<br>*Sabtu*<br>**11**<br>**Zulhijjah** | | Lihat ms 43 untuk gerakan ibadah Haji | |
| 8 | *3/9/17*<br>*Ahad*<br>**12**<br>**Zulhijjah** | | Nafar Awal (Pertama) | |
| 9 | *4/9/17*<br>*Isnin*<br>**13**<br>**Zulhijjah** | 4.30 ptg<br><br><br><br>9 mlm | Ceramah & Taklimat keberangkatan ke Madinah<br>Bacaan doa Yaasin serta doa selamat<br>Letak beg besar di luar bilik<br><br>Tarikh dan waktu Tawaf & Saie Haji akan diumumkan | Dewan Musollah |
| 10 | *5/9/17*<br>*Selasa*<br>**14**<br>**Zulhijjah** | 3 pagi | Tawaf Wada'<br><br>Berangkat ke Madinah Al-Munawwarah | Lobi Shisha |
| 11 | *6/9/17*<br>*Rabu*<br>**15**<br>**Zulhijjah** | 7 pagi | Ziarah Makam Rasulullah s.a.w serta sahabat-sahabatnya | Lobi Hotel |
| 12 | *7/9/17*<br>*Khamis*<br>**16**<br>**Zulhijjah** | 7 pagi<br><br>4.30 ptg | Ziarah kota Madinah Al-Munawwarah<br>Taklimat keberangkatan ke Singapura serta bacaan Yaasin & doa selamat | Lobi Hotel<br><br>Dewan Makan |

| | TARIKH | WAKTU | PROGRAM | TEMPAT BERKUMPUL |
|---|---|---|---|---|
| **13** | *8/9/17*<br>*Jumaat*<br>**17**<br>**Zulhijjah** | <br>7 pagi<br>9 pagi<br><br><br><br>9.30 mlm | **15H SV**<br>Ziarah Wada'<br>Letak beg besar di luar bilik<br>Berangkat ke Madinah Airport<br><br>**15H TZ**<br>Letak beg besar di luar bilik | Lobi Hotel |
| **14** | *9/9/17*<br>*Sabtu*<br>**18**<br>**Zulhijjah** | 7 pagi<br>10 pagi | Ziarah Wada'<br>Berangkat ke Jeddah Airport | Lobi Hotel |

*** Untuk hari keberangkatan ke Makkah/Madinah/Jeddah, jemaah akan menunggu arahan dari Kementerian Haji / Muassasah. Apabila infomasi sudah ada, kami akan mengadakan taklimat. Harap maklum.**

***Setiap petang jam 4 akan diadakan ceramah (tertakluk pada perubahan).**

*Semua program tertakluk kepada pertukaran.*

# PAKEJ 21 HARI

| | TARIKH | WAKTU | PROGRAM | TEMPAT BERKUMPUL |
|---|---|---|---|---|
| 1 | *24/8/17*<br>*Khamis*<br>**2**<br>**Zulhijjah** | 6.30 pagi | SV 23 AUG<br>**HAJI TAMATTU'**<br>Tawaf & Saie Umrah<br>**HAJI IFRAD**<br>Tawaf Qudum & Saie Haji | Lobi Shisha |
| 2 | *25/8/17*<br>*Jumaat*<br>**3**<br>**Zulhijjah** | | Solat Jumaat | |
| 3 | *26/8/17*<br>*Sabtu*<br>**4**<br>**Zulhijjah** | | Acara bebas | |
| 4 | *27/8/17*<br>*Ahad*<br>**5**<br>**Zulhijjah** | 6.30 pagi | TZ 26 AUG SV 26 AUG<br>**HAJI TAMATTU'**<br>Tawaf & Saie Umrah<br>**HAJI IFRAD**<br>Tawaf Qudum & Saie Haji | Lobi Shisha |
| 5 | *28/8/17*<br>*Isnin*<br>**6**<br>**Zulhijjah** | | Acara bebas | |
| 6 | *29/8/17*<br>*Selasa*<br>**7**<br>**Zulhijjah** | 7 pagi<br>4.30 ptg<br><br>Selepas Isya' | Ziarah jalan kaki ke Jamrah<br>Taklimat keberangkatan ke Arafah<br>Bacaan doa Yaasin, doa selamat | Lobi Shisha<br>Dewan Solat |

| | TARIKH | WAKTU | PROGRAM | TEMPAT BERKUMPUL |
|---|---|---|---|---|
| **7** | *30/8/17*<br>*Rabu*<br>**8**<br>**Zulhijjah** | | Berangkat ke Arafah untuk Wukuf<br>***Waktu keberangkatan akan ditetapkan semasa di Shisha.*** | Lobi Shisha |
| **8** | *31/8/17*<br>*Khamis*<br>**9**<br>**Zulhijjah** | | Wukuf di Arafah<br>Muzdalifah | |
| **9** | *1/9/17*<br>*Jumaat*<br>**10**<br>**Zulhijjah** | | Lihat ms 43 untuk gerakan ibadah Haji | |
| **10** | *2/9/17*<br>*Sabtu*<br>**11**<br>**Zulhijjah** | | Lihat ms 43 untuk gerakan ibadah Haji | |
| **11** | *3/9/17*<br>*Ahad*<br>**12**<br>**Zulhijjah** | | Lihat ms 43 untuk gerakan ibadah Haji | |
| **12** | *4/9/17*<br>*Isnin*<br>**13**<br>**Zulhijjah** | 4.30 ptg | Nafar Thani (kedua)<br><br>Taklimat keberangkatan ke Makkah Al-Mukarramah | Dewan Solat |

| | TARIKH | WAKTU | PROGRAM | TEMPAT BERKUMPUL |
|---|---|---|---|---|
| **13** | *5/9/17*<br>*Selasa*<br>**14**<br>**Zulhijjah** | 7 pagi | Meletakkan beg besar di luar bilik<br>Berangkat ke Makkah<br>Check-in hotel (Tawhid/Hilton)<br>**HAJI TAMATTU'** Tawaf & Saie Umrah<br>**HAJI IFRAD** Tawaf Haji | Lobi Hotel |
| **14** | *6/9/17*<br>*Rabu*<br>**15**<br>**Zulhijjah** | 7 pagi | Ziarah Kota Makkah Al-Mukarramah<br><br>Umrah Ji'ranah | Lobi Hotel |
| **15** | *7/9/17*<br>*Khamis*<br>**16**<br>**Zulhijjah** | 7 pagi | Umrah Hudaibiyah | Lobi Hotel |
| **16** | *8/9/17*<br>*Jumaat*<br>**17**<br>**Zulhijjah** | 7 pagi | Ziarah Masjidil Haram<br>Solat Jumaat | Lobi Hotel |
| **17** | *9/9/17*<br>*Sabtu*<br>**18**<br>**Zulhijjah** | 7 pagi | Umrah Tana'im | Lobi Hotel |
| **18** | *10/9/17*<br>*Ahad*<br>**19**<br>**Zulhijjah** | 3.00 pagi<br>4.30 ptg<br><br><br><br>9.30 mlm | Qiyamullail<br>Ceramah & Taklimat keberangkatan ke Madinah<br>Bacaan doa Yaasin serta doa selamat<br>Letak beg besar luar bilik | Lobi Hotel |

| | TARIKH | WAKTU | PROGRAM | TEMPAT BERKUMPUL |
|---|---|---|---|---|
| **19** | *11/9/17*<br>*Isnin*<br>**20**<br>**Zulhijjah** | 3 pagi<br>8 pagi | Tawaf Wada'<br>Berangkat ke Madinah<br>Al-Munawwarah | Lobi Hotel |
| **20** | *12/9/17*<br>*Selasa*<br>**21**<br>**Zulhijjah** | 7 pagi | Ziarah Makam Rasulullah s.a.w serta sahabat-sahabatnya | Lobi Hotel |
| **21** | *13/9/17*<br>*Rabu*<br>**22**<br>**Zulhijjah** | 7 pagi<br><br>4.30 ptg<br><br><br><br>9.30 mlm | Ziarah kota Madinah<br>Al-Munawwarah<br>Taklimat keberangkatan ke Singapura serta bacaan Yaasin & doa selamat<br>**21H TZ**<br>Meletakkan beg besar di luar bilik | Lobi Hotel<br><br>Dewan Makan |
| **22** | *14/9/17*<br>*Khamis*<br>**23**<br>**Zulhijjah** | <br>7 pagi<br><br><br>9.30 mlm | **21H TZ**<br>Ziarah Wada'<br>Berangkat ke Jeddah Airport<br>**21H SV- 23 AUG** **21H SV- 26 AUG**<br>Meletakkan beg besar di luar bilik | Lobi Hotel |
| **23** | *15/9/17*<br>*Jumaat*<br>**24**<br>**Zulhijjah** | 7 pagi | Ziarah Wada'<br>Berangkat ke Madinah Airport | Lobi Hotel |

***Setiap petang jam 4 akan diadakan ceramah (tertakluk pada perubahan).**
*Semua program tertakluk kepada pertukaran.*

# PAKEJ 29 HARI (TAWHID / HILTON)

| | TARIKH | WAKTU | PROGRAM | TEMPAT BERKUMPUL |
|---|---|---|---|---|
| **1** | *24/8/17*<br>*Khamis*<br>**2**<br>**Zulhijjah** | 6.30 pagi | SV 23 AUG<br>**HAJI TAMATTU'**<br>Tawaf & Saie Umrah<br>**HAJI IFRAD**<br>Tawaf Qudum & Saie Haji | Lobi Shisha |
| **2** | *25/8/17*<br>*Jumaat*<br>**3**<br>**Zulhijjah** | | Solat Jumaat | |
| **3** | *26/8/17*<br>*Sabtu*<br>**4**<br>**Zulhijjah** | | Acara Bebas | |
| **4** | *27/8/17*<br>*Ahad*<br>**5**<br>**Zulhijjah** | 7 pagi | SV 26 AUG<br>**HAJI TAMATTU'**<br>Tawaf & Saie Umrah<br>**HAJI IFRAD**<br>Tawaf Qudum & Saie Haji | Lobi Shisha |
| **5** | *28/8/17*<br>*Isnin*<br>**6**<br>**Zulhijjah** | | Acara Bebas | |
| **6** | *29/8/17*<br>*Selasa*<br>**7**<br>**Zulhijjah** | 7 pagi<br>4.30 ptg<br><br>Selepas Isya' | Ziarah jalan kaki ke Jamrah<br>Taklimat keberangkatan ke Arafah<br>Bacaan doa Yaasin, doa selamat | Lobi Shisha<br>Dewan Musollah |

| | TARIKH | WAKTU | PROGRAM | TEMPAT BERKUMPUL |
|---|---|---|---|---|
| 7 | *30/8/17*<br>*Rabu*<br>**8**<br>**Zulhijjah** | | Berangkat ke Arafah untuk Wukuf<br>***Waktu keberangkatan akan ditetapkan semasa di Shisha.** | Lobi Shisha |
| 8 | *31/8/17*<br>*Khamis*<br>**9**<br>**Zulhijjah** | | Wukuf di Arafah | |
| 9 | *1/9/17*<br>*Jumaat*<br>**10**<br>**Zulhijjah** | | Lihat ms 43 untuk gerakan ibadah Haji | |
| 10 | *2/9/17*<br>*Sabtu*<br>**11**<br>**Zulhijjah** | | Lihat ms 43 untuk gerakan ibadah Haji | |
| 11 | *3/9/17*<br>*Sabtu*<br>**12**<br>**Zulhijjah** | | Lihat ms 43 untuk gerakan ibadah Haji | |
| 12 | *4/9/17*<br>*Ahad*<br>**13**<br>**Zulhijjah** | 4.30 ptg | Nafar Thani (kedua)<br><br>Taklimat keberangkatan ke Makkah Al-Mukarramah | Dewan Solat |

| | TARIKH | WAKTU | PROGRAM | TEMPAT BERKUMPUL |
|---|---|---|---|---|
| **13** | *5/9/17*<br>*Isnin*<br>**14**<br>**Zulhijjah** | 7 pagi | Letak beg besar di luar bilik<br>Berangkat ke Makkah<br>Check-in hotel (Tawhid/Hilton)<br>**HAJI TAMATTU'** Tawaf & Saie Umrah<br>**HAJI IFRAD** Tawaf Haji | Lobi Hotel |
| **14** | *6/9/17*<br>*Rabu*<br>**15**<br>**Zulhijjah** | 7 pagi | Ziarah Kota Makkah Al-Mukarramah<br><br>Umrah Ji'ranah | Lobi Hotel |
| **15** | *7/9/17*<br>*Khamis*<br>**16**<br>**Zulhijjah** | 7 pagi | Umrah Hudaibiyah | Lobi Hotel |
| **16** | *8/9/17*<br>*Jumaat*<br>**17**<br>**Zulhijjah** | | Solat Jumaat | |
| **17** | *9/9/17*<br>*Sabtu*<br>**18**<br>**Zulhijjah** | 7 pagi | Umrah Tana'im | Lobi Hotel |
| **18** | *10/9/17*<br>*Ahad*<br>**19**<br>**Zulhijjah** | 7 pagi | Acara Bebas | Lobi Hotel |

| | TARIKH | WAKTU | PROGRAM | TEMPAT BERKUMPUL |
|---|---|---|---|---|
| **19** | *11/9/17*<br>*Isnin*<br>**20**<br>**Zulhijjah** | 7 pagi | Umrah Tana'im | Lobi Hotel |
| **20** | *12/9/17*<br>*Selasa*<br>**21**<br>**Zulhijjah** | 7 pagi | Ziarah jalan kaki di keliling Masjidil Haram | Lobi Hotel |
| **21** | *13/9/17*<br>*Rabu*<br>**22**<br>**Zulhijjah** | 3.30 pagi<br>4.30 ptg<br><br><br>9.30 mlm | Qiyamullail<br>Taklimat keberangkatan ke Madinah serta bacaan Yaasin & doa selamat<br>Letak beg besar di luar bilik | Lobi Hotel |
| **22** | *14/9/17*<br>*Khamis*<br>**23**<br>**Zulhijjah** | 3 pagi<br><br>8 pagi | Tawaf Wada'<br><br>Berangkat ke Madinah Al-Munawwarah | Lobi Hotel |
| **23** | *15/9/17*<br>*Jumaat*<br>**24**<br>**Zulhijjah** | 7 pagi | Ziarah Makam Rasulullah s.a.w serta sahabat-sahabatnya<br><br>Solat Jumaat | Lobi Hotel |
| **24** | *16/9/17*<br>*Sabtu*<br>**25**<br>**Zulhijjah** | 7 pagi | Ziarah kota Madinah Al-Munawwarah | Lobi Hotel |
| **25** | *17/9/17*<br>*Ahad*<br>**26**<br>**Zulhijjah** | 7 pagi | Ziarah ke Masjid Quba' & Percetakan Al Quran | Lobi Hotel |

| | TARIKH | WAKTU | PROGRAM | TEMPAT BERKUMPUL |
|---|---|---|---|---|
| **26** | *18/9/17*<br>*Isnin*<br>**27**<br>**Zulhijjah** | 7 pagi<br>4.30 ptg<br><br><br><br>9.30mlm | Ziarah perkuburan Baqi'<br>Ceramah & Taklimat<br>keberangkatan ke Singapura<br>Bacaan doa Yaasin serta<br>doa selamat<br>Meletakkan beg besar<br>di luar bilik | Lobi Hotel |
| **27** | *19/9/17*<br>*Selasa*<br>**28**<br>**Zulhijjah** | 7 pagi | Ziarah Wada'<br>Berangkat ke Madinah/<br>Jeddah Airport | |

***Setiap petang jam 4 akan diadakan ceramah (tertakluk pada perubahan).**

*Semua program tertakluk kepada pertukaran.*

# PROGRAM SHISHA

| WAKTU | KEGIATAN |
|---|---|
| 3.45 – 4.50 pagi | Solat Tahajjud & Solat Witir |
| 5.00 pagi | Solat Subuh & Bacaan Surah Yasin atau<br>Kuliah Subuh + Sessi Soal Jawab |
| Selepas Subuh | Sarapan |
| 8.30 pagi | Solat Dhuha & [ Solat Tasbih berjemaah **] |
| 9.30 pagi | Waktu rehat |
| 12 tgh | Solat Zohor |
| Selepas Zohor | Makan Tengahari dan Rehat |
| 3.30 petang | Solat Asar |
| 6.00 petang | Solat Maghrib / Solat sunnat Awwabin |
| Selepas Maghrib | Bacaan Ratib Al Hadad (ms. 132)<br>& sesi Soal Jawab bersama guru agama |
| 7.30 malam | Solat Isyak |
| Selepas Solat Isya’ | Makan malam |
| 10.00 malam | Berehat |

** Program tertakluk kepada pertukaran*

**PERHATIAN: Harap minta kerjasama jemaah supaya tidak merokok di dalam bilik, bas dan khemah (Arafah dan Mina). Juga senyapkan telefon bimbit semasa berada di masjid.**

# CEKLIST HAJI IFRAD

✓ Tandakan bila telah dilaksana

| PEKERJAAN | HUKUM | Sudah Dibuat (Tarikh) | Tertinggal | Dam | Sudah Dibayar (Tarikh) | Perlaksanaan Haji |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **DI SINGAPURA** | | | | | | |
| Mandi Sunat Ihram | Sunat | | | | | |
| Solat Sunat Ihram | Sunat | | | | | |
| Solat Sunat Musafir | Sunat | | | | | |
| Doa Musafir | Sunat | | | | | |
| **DALAM PESAWAT** | | | | | | |
| Memakai Ihram | Wajib | | | | | |
| Niat Haji | Rukun | | | | | |
| **BILA TIBA DI MEKAH (MENJAGA PANTANG LARANG IHRAM)** | | | | | | |
| Tawaf Qudum | Sunat | | | | | |
| Solat Sunat Tawaf & Berdoa | Sunat | | | | | |
| Minum air Zam-zam | Sunat | | | | | |
| Saie Haji (Masih dalam pantang larang ihram) | Rukun | | | | | |
| **8 ZULHIJJAH** (Berangkat ke Arafah) | | | | | | |
| **9-10 ZULHIJJAH** | | | | | | |
| Wuquf di Arafah | Rukun | | | | | |
| Mabit di Muzdalifah | Wajib | | | | | |
| Mengutip batu di Muzdalifah/Shisha | Sunat | | | | | |
| Bermalam di Mina | Wajib | | | | | |
| Melontar jamrah Aqabah | Wajib | | | | | |
| | | | | | | |

✓ Tandakan bila telah dilaksana

| PEKERJAAN | HUKUM | Sudah Dibuat (Tarikh) | Tertinggal | Dam | Sudah Dibayar (Tarikh) | Perlaksanaan Haji |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **11-13 ZULHIJJAH**<br>Melontar 3 jamrah | Rukun | | | | | |
| Korban | Sunat | | | | | |
| **14 ZULHIJJAH**<br>Tawaf Haji | Rukun | | | | | |
| Solat Sunat Tawaf dan berdoa | Sunat | | | | | |
| Minum air Zam-zam | Sunat | | | | | |
| Saie Haji jika belum ditunaikan | Rukun | | | | | |
| Bergunting/tahallul | Rukun | | | | | |
| **TAWAF WADA' SEBELUM BERANGKAT KE MADINAH**<br>*Bagi wanita dalam Uzur Syarie tidak perlu melakukan Tawaf Wada'. | Wajib | | | | | |

Sebelum meninggalkan Makkah ke Madinah, jemaah akan mengerjakan Tawaf Wada'.
Wajib – Dikenakan Dam
Rukun – Tak boleh bayar Dam
Sunat – Tak perlu bayar Dam

Diperiksa oleh Ustaz:

______________________

# CEKLIST HAJI TAMATTUK

## PROGRAM AWAL

✓ Tandakan bila telah dilaksana

| PEKERJAAN | HUKUM | Sudah Dibuat (Tarikh) | Tertinggal | Dam | Sudah Dibayar (Tarikh) | Perlaksanaan Haji |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **DI SINGAPURA** | | | | | | |
| Bersihkan diri | | | | | | |
| Solat Sunat Safar | Sunat | | | | | |
| Doa Safar | Sunat | | | | | |
| **DI MADINAH AL-MUNAWWARAH** | | | | | | |
| Mandi Sunat Ihram | Sunat | | | | | |
| Solat Sunat Ihram | Sunat | | | | | |
| Memakai Ihram | Wajib | | | | | |
| **DI BIR ALI (MADINAH)** | | | | | | |
| Jatuh niat umrah | Rukun | | | | | |
| Baca talbiah | Sunat | | | | | |
| Jaga pantang-larang | Wajib | | | | | |
| **DI MAKKAH AL-MUKARRAMAH** | | | | | | |
| Tawaf Umrah | Rukun | | | | | |
| Solat Sunat Tawaf | Sunat | | | | | |
| Berdoa di Multazam | Sunat | | | | | |
| Minum air Zam-zam | Sunat | | | | | |
| Saie Umrah | Rukun | | | | | |
| Bergunting/tahallul | Rukun | | | | | |
| **8 ZULHIJJAH** (Persiapan sebelum ke Arafah) | | | | | | |
| Mandi Sunat Ihram | Sunat | | | | | |
| Solat Sunat Ihram | Sunat | | | | | |
| Memakai Ihram | Wajib | | | | | |
| Niat Haji | Rukun | | | | | |
| Baca talbiah | Sunat | | | | | |

✓ Tandakan bila telah dilaksana

| PEKERJAAN | HUKUM | Sudah Dibuat (Tarikh) | Tertinggal | Dam | Sudah Dibayar (Tarikh) | Perlaksanaan Haji |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Jaga pantang-larang | Wajib | | | | | |
| Berangkat ke Arafah | Sunat | | | | | |
| **9-10 ZULHIJJAH**<br>Wuquf di Arafah | Rukun | | | | | |
| Mabit di Muzdalifah | Wajib | | | | | |
| Mengutip batu di Muzdalifah/Shisha | Sunat | | | | | |
| Bermalam di Mina | Wajib | | | | | |
| Melontar jamrah Aqabah | Wajib | | | | | |
| **11-13 ZULHIJJAH**<br>Melontar 3 jamrah | Wajib | | | | | |
| Korban | Sunat | | | | | |
| **DI MASJIDIL HARAM**<br>Tawaf Haji | Rukun | | | | | |
| Solat sunat tawaf | Sunat | | | | | |
| Doa di Multazam | Sunat | | | | | |
| Minum air Zam-zam | Sunat | | | | | |
| Saie Haji jika belum ditunaikan | Rukun | | | | | |
| Bergunting/tahallul | Rukun | | | | | |
| **TAWAF WADA' SEBELUM PULANG**<br>*Bagi wanita dalam Uzur Syarie tidak perlu melakukan Tawaf Wada'. | Wajib | | | | | |

Sebelum meninggalkan Makkah ke Madinah, jemaah akan mengerjakan Tawaf Wada'.

Wajib – Dikenakan Dam

Rukun – Tak boleh bayar Dam

Sunat – Tak perlu bayar Dam

Diperiksa oleh Ustaz:

_______________

# CEKLIST HAJI TAMATTUK

## PROGRAM AKHIR

✓ Tandakan bila telah dilaksana

| PEKERJAAN | HUKUM | Sudah Dibuat (Tarikh) | Tertinggal | Dam | Sudah Dibayar (Tarikh) | Perlaksanaan Haji |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **DI SINGAPURA** | | | | | | |
| Mandi Sunat Ihram | Sunat | | | | | |
| Solat Sunat Ihram | Sunat | | | | | |
| Solat Sunat Musafir | Sunat | | | | | |
| Doa Musafir | Sunat | | | | | |
| **DALAM PESAWAT** | | | | | | |
| Memakai Ihram | Wajib | | | | | |
| Niat Umrah | Rukun | | | | | |
| **DI MAKKAH AL-MUKARRAMAH** | | | | | | |
| Tawaf Umrah | Rukun | | | | | |
| Solat Sunat Tawaf | Sunat | | | | | |
| Berdoa di Multazam | Sunat | | | | | |
| Minum air Zam-zam | Sunat | | | | | |
| Saie Umrah | Rukun | | | | | |
| Bergunting/tahallul | Rukun | | | | | |
| **8 ZULHIJJAH** (Persiapan sebelum ke Arafah) | | | | | | |
| Mandi Sunat Ihram | Sunat | | | | | |
| Solat Sunat Ihram | Sunat | | | | | |
| Memakai Ihram | Wajib | | | | | |
| Niat Haji | Rukun | | | | | |
| Baca talbiah | Sunat | | | | | |

✓ Tandakan bila telah dilaksana

| PEKERJAAN | HUKUM | Sudah Dibuat (Tarikh) | Tertinggal | Dam | Sudah Dibayar (Tarikh) | Perlaksanaan Haji |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **9-10 ZULHIJJAH**<br>Wuquf di Arafah | Rukun | | | | | |
| Mabit di Muzdalifah | Wajib | | | | | |
| Mengutip batu di Muzdalifah/Shisha | Sunat | | | | | |
| Bermalam di Mina | Wajib | | | | | |
| Melontar jamrah Aqabah | Wajib | | | | | |
| **11-13 ZULHIJJAH**<br>Melontar 3 jamrah | Wajib | | | | | |
| Korban | Sunat | | | | | |
| **DI MASJIDIL HARAM**<br>Tawaf Haji | Rukun | | | | | |
| Solat sunat tawaf | Sunat | | | | | |
| Doa di Multazam | Sunat | | | | | |
| Minum air Zam-zam | Sunat | | | | | |
| Saie Haji jika belum ditunaikan | Rukun | | | | | |
| Bergunting/tahallul | Rukun | | | | | |
| **TAWAF WADA' SEBELUM PULANG**<br>*Bagi wanita dalam Uzur Syarie tidak perlu melakukan Tawaf Wada'. | Wajib | | | | | |

Sebelum meninggalkan Makkah ke Madinah, jemaah akan mengerjakan Tawaf Wada'.
Wajib – Dikenakan Dam
Rukun – Tak boleh bayar Dam
Sunat – Tak perlu bayar Dam

Diperiksa oleh Ustaz:

# CEKLIST UMRAH

✓ Tandakan bila telah dilaksana

| | PEKERJAAN | HUKUM | Sudah Dibuat (Tarikh) | Tertinggal | Dam | Sudah Dibayar (Tarikh) | Perlaksanaan Haji |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Mandi Sunat Ihram | Sunat | | | | | |
| 2 | Solat Sunat Ihram | Sunat | | | | | |
| 3 | Memakai Ihram | Wajib | | | | | |
| 4 | Niat Umrah (menjaga pantang larang ihram) | Rukun | | | | | |
| 5 | Tawaf Umrah | Rukun | | | | | |
| 6 | Solat Sunat Tawaf | Sunat | | | | | |
| 7 | Berdoa di Multazam | Sunat | | | | | |
| 8 | Minum air Zam-zam | Sunat | | | | | |
| 9 | Saie Umrah | Rukun | | | | | |
| 10 | Bergunting/tahallul | Rukun | | | | | |

**BEBAS DARI PANTANG LARANG IHRAM**

# NOTA

# NOTA

BAHAGIAN 5

# SEJARAH

# JEDDAH

Jeddah, yang bermakna 'nenek' dalam bahasa Arab, adalah ibukota yang kedua di Saudi Arabia selepas Riyadh. Ia adalah tempat makam Siti Hawa. Bahasa Arab adalah bahasa utama yang digunakan. Kota Jeddah menguasai 560km persegi dan Lautan Merahnya berukuran 80km dari utara ke selatan.

## LAPANGAN TERBANG

Saudi Arabia mempunyai 3 lapangan terbang antarabangsa.
i. King Khaleh International Airport (Riyadh)
ii. King Fahd International Airport (Dhahran)
iii. King Abdul Aziz International Airport (Jeddah)

## TERMINAL

Lapangan terbang Jeddah mempunyai lima terminal untul perkhidmatan penerbangan seperti berikut:

i. Terminal King Abdul Aziz - Penerbangan antarabangsa
ii. Terminal Haji - Penerbangan jemaah haji, penerbangan sewa khas musim Umrah
iii. Terminal Saudi Arabia Airlines - Pesawat Saudi Arabian Airlines dan penerbangan ke Madinah.
iv. Terminal Tentera - Khas untuk tentera negara
v. Terminal Raja - Khas untuk kerabat diraja

## JARAK PERJALANAN

| | |
|---|---|
| Jeddah ke Makkah: | 72km |
| Jeddah ke Madinah: | 330km |
| Madinah ke Makkah: | 447km |

## RIADAH DI JEDDAH

Secara purata, Jeddah adalah tempat riadah bagi penduduk di Makkah dan Madinah dimana pada hari cuti mereka meluangkan masa bersama keluarga. Aktiviti utama adalah berkelah di Lautan Merah serta membeli-belah.

# MAKKAH AL-MUKARRAMAH

Makkah ada mempunyai beberapa nama di antaranya Bakkah, Ummul-Qura dan lain-lain lagi. Kota Makkah Mukarramah sudah terkenal sebagai sebuah kota suci tempat beribadat, terutama dalam mengerjakan ibadah haji dan umrah. Oleh kerana ia merupakan salah satu dari tanah suci, maka sesiapa sahaja yang berada di Makkah, sama ada berada dalam ihram atau tidak, diharamkan atasnya melakukan beberapa perkara seperti berikut:

- Memburu binatang liar
- Memotong, menebang atau mencabut pokok atau tumbuhannya
- Tidak boleh memungut barang yang tercicir melainkan dengan maksud untuk mengumumkannya.

## MASJIDIL HARAM

Ibnu Abbas r.a meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: "120 rahmat turun ke atas Kaabah setiap hari dan malam; 60 untuk mereka yang melakukan tawaf, 40 bagi mereka yang mendirikan solat dan 20 untuk mereka yang hanya melihat Kaabah."

Satu solat di Masjidil Haram sama seperti 100,000 kali solat di masjid yang lain. Sabda Rasulullah s.a.w.: "Satu solat di Masjidil Haram seratus ribu kali solat, dan satu solat di Masjidku seribu kali solat, dan satu solat di Baitulmaqdis lima ratus kali solat."

## FAKTA

**LUAS KESELURUHAN** 356,000m$^2$

**PINTU UTAMA:** 4

**PINTU BAWAH TANAH:** 6

**PINTU UMUM:** 45

**PINTU KHUSUS:** 41

**TANGGA BERGERAK (ESCALATOR):** 11

Masjidil Haram dapat menampung lebih dari 1 juta orang.

### BOLEH MELAKUKAN SOLAT DI MASJIDIL HARAM DI SETIAP WAKTU

Jubair bin Mudi'im r.a meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda yang bermaksud: "Wahai Bani Abdi Manaf, atau wahai Bani Abdul Mutaalib, apabila kamu semua menjadi penguasa di sini maka janganlah kamu mencegah sesiapa pun untuk melakukan tawaf di Baitullah dan juga bersolat pada bila-bila masa sahaja yang ia kehendaki, baik malam mahupun siang."
(Al-Fakihy dan Ibnu Majah)

# MASJIDIL HARAM

## FAKTA MENARIK MASJIDIL HARAM

Kawasan Masjidil Haram kaya dengan sejarah dan dipadati umat Muslim, terutama waktu melakukan ibadah haji. Kenali beberapa tempat bersejarahnya.

Sesungguhnya rumah yang pertama yang didirikan untuk manusia (beribadat) ialah yang ada di Bakkah (Makkah) yang diberkati serta petunjuk bagi sekelian alam.
**SURAH ALI-IMRAN, AYAT 96**



## KAABAH

Kaabah ialah Baitullah atau disebut juga Baitul-'Aqiq, sebuah bangunan berbentuk lebih kurang empat persegi, dibina di bahagian yang paling luas di lembah itu. Ia adalah rumah ibadat yang pertama dibina di atas bumi ini.

Ibnu Umar menceritakan bahawa beliau mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda, "Barang siapa melakukan tawaf di Baitullah, maka Allah akan mencatat satu kebaikan dan menghapuskan satu keburukan bagi setiap langkahnya." - Al-Azraqy

**FAKTA**

**KETINGGIAN KAABAH**
39 kaki 9 inci / 14 meter
**LUAS**
627 kaki persegi
**DALAM**
1,349 meter
**PINTU KAABAH**
Tinggi - 3.1 meter
Lebar - 1.9 meter



## HAJAR ASWAD

Hajar Aswad ialah daripada jauhar syurga. Asalnya lebih putih daripada susu dan menjadi hitam kerana dosa anak Adam. Nabi s.a.w bersabda - Sesungguhnya Allah Azza wa Jalla berjanji untuk rumahNya ini setiap tahun akan diziarahi seramai 600 ribu orang untuk menunaikan haji. Jika bilangan itu kurang, maka akan digenapkan oleh Allah dengan para malaikat. Dan bahawasanya Kaabah itu dihasyarkan atau dibawakan ke padang Mahsyar kelak dengan berarak seperti pengantin dan setiap orang yang telah pernah mengunjunginya kerana menunaikan haji akan berpegang kepada kelambunya dan berjalan mengelilingnya hingga ia masuk ke syurga dan mereka turut masuk menyertainya.

Diriwayatkan, setiap hari Khamis ada seorang daripada kalangan Abdal yang tawaf rumah Allah ini. Begitu juga setiap hari, pasti ada dari kalangan Autad yang tawaf mengelilinginya. Apabila kejadian ini terputus, bererti tibalah masanya ia diangkat daripada bumi dan apabila menjelang pagi manusia pun menyedari sesungguhnya Kaabah telah diangkat tanpa meninggalkan kesan sama sekali. Ini berlaku tujuh tahun tanpa seorang pun mengunjunginya. Kemudian diangkatkan Al-Quran daripada mashaf-mashaf, dan manusia tiba-tiba menyedari yang tinggal hanya kertas putih sahaja tanpa sebiji huruf pun. Kemudian Al-Quran dihapuskan daripada segenap hati yang menyebabkan tiada seorang pun menyebutkan sepatah kalimahnya. Kemudian manusia kembali kepada sya'ir, menyanyi dan beramal bersama amalan jahiliyah. Kemudian Dajjal keluar dan Nabi

Isa turun membunuhnya. Dan Kiamat pun berlaku menyebabkan wanita yang mengandung terus melahirkan anaknya.

Suatu khabar menyebut, perbanyaklah kamu bertawaf di rumah ini sebelum ianya diangkat kemudian dijatuhkan dua kali dan diangkatnya pada kali yang ketiga. Riwayat daripada Sayidina Ali r.a menyebut bahawa Nabi s.a.w bersabda - Allah Ta'ala berfirman, "Apabila Aku mahu membinasakan dunia Aku mulakan dengan rumahKu. Aku binasakannya kemudian Aku binasakan dunia di atas tapaknya." Demikianlah dalam Ihya' Ulumiddin.

Suatu khabar menyebut bahawa Hajar Aswad itu batu yaqut daripada syurga dan pada hari Kiamat ia dibangkitkan dengan mempunyai dua biji mata dan lidah serta mengatakan ia menjadi saksi kepada setiap orang yang istilam kepadanya dengan sebenar-benar Nabi s.a.w banyak mengucupnya.

Wahab bin Munabbih berkata, di dalam Taurat ada tertulis bahawa Allah Ta'ala membangkitkan 700 ribu malaikat Al-Muqarrabin pada hari Kiamat dengan setiap tangan masing-masing memegang rantai daripada emas yang terikat kepadanya Baitullah Al-Haram, dan Allah Ta'ala berfirman kepada



**FAKTA**

**UKURAN**

Panjang - 25cm    Lebar - 17cm

mereka supaya menariknya ke padang Mahsyar. Ketika mahu melaksanakan perintah Allah Ta'ala itu, para malaikat menyeru "Wahai Kaabah Allah, berjalanlah!"

Kaabah Allah menjawab,"Aku tidak mahu berjalan sehinggalah permintaanku diperkenankan. Para malaikat itu pun menyeru daripada langit, "Pintalah!".

Kaabah pun berkata, "Wahai Tuhanku! Syafa'atkanlah seluruh jiranku yang ditanam di sekelilingku dari kalangan orang-orang mu'min. Seruan itu telah didengar oleh Tuhan yang menjawab dengan

firmanNya - Aku perkenankan permintaanmu. Lalu dihimpunkan semua orang yang mati di Makkah dengan masing-masing berwajah putih dalam keadaan ihram dan berhimpun di keliling Kaabah Allah serta mengucap Talbiah.

Kemudian para malaikat berkata, "Berjalanlah wahai Kaabah Allah! Tetapi Kaabah pun berkata,"Wahai Tuhanku, mana hamba-hambaMu yang berdosa datang kepadaku dalam keadaan kusut masai, tubuh-tubuh berdebu, meninggalkan keluarga, anak-anak dan orang-orang yang dikasihi kepada rindu kepadaku dan mahu menziarahiku dan mereka terdiri dari kaum muslim yang taat mengerjakan ibadat haji hingga selesai sepertimana yang Engkau perintahkan, aku pohon agar Engkau selamatkan mereka daripada fitnah yang besar dan himpunkan mereka di kelilingku.

Para malaikat menyeru, "Di antara mereka ada yang berdosa kepadamu dan kekal melakukan dosa besar yang memestikan mereka memasuki neraka. Kaabah pun berkata,"Wahai Tuhanku, aku memohon syafa'at untuk orang-orang yang melakukan dosa besar itu mereka dimestikan memasuki syurga. Allah Ta'ala berfirman,"Sesungguhnya Aku perkenankan syafa'atmu untuk mereka dan perkenankan permohonanmu.

Lalu para malaikat menyeru, "Barangsiapa yang telah menziarahi Kaabah Allah, asingkanlah dirinya daripada manusia lain. Mereka diletakkan di sekeliling Baitullah Al-Haram dengan berwajah putih yang menandakan terselamat daripada neraka.

Mereka tawaf sambil bertalbiah. Kemudian para malaikat menyeru, "Wahai Kaabah Allah, berjalanlah! Kaabah pun menjawab :

لَبَّيْكَ اللّٰهُمَّ لَبَّيْكَ, لا شَرِيْكَ لَكَ لَبَّيْكَ..

hingga akhir. Para malaikat pun menariknya ke Padang Mahsyar dan Kaabah bergerak dengan dikelilingi manusia seperti mengarak pengantin. Menurut riwayat, Kaabah telah diperbesarkan sehingga muat untuk dipaut oleh seluruh manusia yang pernah mengunjunginya.

(جَعَلَنَا اللهُ مِنْ أَهْلِ شَفَاعَتِهَا)

Ertinya : "Moga-moga Allah menjadikan kita sekalian termasuk golongan orang yang mendapat syafa'atnya. Amin."

# RAJAH KAABAH



## KISWAH KAABAH

Kiswah bermaksud 'tutup' atau 'tirai'. Kiswah di sini adalah kain hitam yang menyelimuti Kaabah. Menurut riwayat, kiswah telah ada sejak zaman Nabi Ismail a.s. Beliaulah orang yang pertama kali memberi kiswah Kaabah.

Kebiasaan menyelimuti Kaabah diikuti turun-temurun oleh kaum Quraisy yang menjadi pengurus dan penjaga Kaabah dan diteruskan hingga zaman Nabi Muhammad s.a.w. Sewaktu terjadi penaklukan Makkah oleh Nabi Muhammad s.a.w dan kaum Muslimin, pada tahun ke-8 Hijrah, Rasulullah mendapati bahawa Kaabah masih tetap berkiswah dan pernah terjadi kebakaran kiswah ketika diasapi dengan wangi-wangian. Setelah kebakaran itu Rasulullah s.a.w. menggantinya dengan kiswah baru yang berasal dari tenunan Yaman.

Pemasangan kiswah Kaabah diikuti oleh para khalifah sehingga hari ini. Ini merupakan syariat kerana Rasulullah melakukannya di masa hayatnya, demikian pula para khalifah sesudahnya. Kiswah sejak awal hingga 810H berbentuk tenunan yang tidak ada motif tulisan dan kaligrafi. Hanya pada 816H kiswah Kaabah mula bermotif kaligrafi dan tulisan-tulisan di bahagian depan Kaabah.

Pada 1346H, kerajaan Arab Saudi telah mendirikan tempat pembuatan kiswah Kaabah di Makkah Al-Mukarramah (di kawasan Um al-Jud, jalan lama ke Jeddah) dan tidak lagi didatangkan dari luar negara.



Kiswah Kaabah dibuat dari bahan sutera asli yang disulami, bermotif tulisan. Adapun kiswah khusus pintu Kaabah yang dinamakan dengan Al-Barqa, terbuat dari bahan yang sama dengan kiswah lainnya. Kiswah pintu ini mempunyai tinggi 6.5 meter dan lebarnya 3.5 meter dan disulam dengan berbagai kaligrafi. Ayat-ayat Al-Quran diberi warna emas. Setiap tahun kiswah ini diganti kerajaan Arab Saudi dengan upacara khusus sebelum wukuf di Arafah.

Kelambu Kaabah sekarang ini dibuat dari sutera asli yang di import dari Itali (yang mengimport dari India) serta disulam dengan benang emas dan perak. Kos pembikinan kiswah ini dianggarkan kira-kira 17 juta Riyal Saudi (S$5.7 juta) dan pintu Kaabah yang sekarang ini dibuat dari emas murni 24 karat dan beratnya 280kg dengan kos 13 juta Riyal Saudi.







## MULTAZAM

(Ukuran: 2 meter persegi )

Multazam ialah dinding Kaabah, iaitu antara pintu Kaabah dengan Hajar Aswad. Di sinilah salah satu tempat yang sangat mustajab doa. Caranya ialah dengan meletakkan dada ke dinding Kaabah serta pipi kanan dan kedua tangan serta tapak tangan terbuka diangkat ke dinding Kaabah dengan penuh rasa kehinaan. Berdoalah dengan yakin dan penuh harapan nescaya Allah Ta'ala akan menerima doanya. Beginilah cara yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w.

## HIJIR ISMAIL

(Ukuran: Panjang -25cm,
Lebar-17cm )

Hijir Ismail adalah sebahagian dari Kaabah sebagaimana telah diterangkan.

Dari Aisyah ra. katanya,"Saya ingin memasuki Baitullah untuk mendirikan solat di dalamnya, maka Rasulullah pun memegang tangan saya, lalu membawa saya masuk ke Hijir seraya bersabda pada saya: "Solatlah dalam Hijir ini jika engkau ingin masuk ke dalam Baitullah. Kerana sesungguhnya ia adalah sebahagian dari Baitullah. Hanya kaummu (Quraisy) kekurangan belanja ketika mereka membina Kaabah, sehingga mereka membiarkannya (Hijir) diluar rumah Baitullah." H.R. Ahmad, Abu Dawud dll.



## MIZAB (SALURAN EMAS)

(Ukuran: Panjang- 2.53cm
Lebar- 25cm)

Ia merupakan saluran untuk air keluar daripada bumbung Kaabah. Mizab pertama kali dibina oleh Quraisy sewaktu membina atap Kaabah. Mizab ini disalut dengan emas dan ukiran. Tempat ini juga merupakan tempat mustajab doa, wallahu a'lam.

## MAQAM IBRAHIM



(Ukuran: Tinggi-20cm, Panjang-38cm, dalam telapak 10cm)

Ketika membina Kaabah, Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail memanjatkan doa dengan berkata, "Ya Allah, terimalah persembahan kami, Engkau Maha Mendengar dan Mengetahui. Hai Tuhan kami, jadikanlah kami Muslimin untuk Engkau, begitu pula anak dan keturunan kami semua menjadi umat yang Islam, pertunjukkanlah kepada kami akan cara peribadatan kami, berilah ampun terhadap kami, kerana Engkau Yang Maha Pengampun dan Pengasih." Ucapan atau doa Nabi Ibrahim itu diucapkannya dengan berdiri dekat tempat membina Kaabah di atas sebuah batu sehingga meninggalkan bekas tapak kakinya. Tempat itulah yang dinamakan Makam Ibrahim dan setiap orang yang bertawaf diperintahkan melakukan solat sunat dua rakaat dan berdoa.

## TELAGA ZAM ZAM

(11 meter dari Kaabah;
Dalam - 30 meter)

Mengikut sejarah, Nabi Ibrahim a.s meninggalkan isteri dan anaknya di suatu tempat dekat telaga Zamzam yang sekarang ini. Maka Nabi Ibrahim a.s. membekalkan sebuah karung kecil berisi buah kurma dan sebuah kendi berisi air, dan baginda pun berangkat. Hajar lantas berseru, "Ke manakah kekanda akan pergi, wahai Ibrahim? Apakah kekanda akan meninggalkan kami berdua di lembah ini?" Oleh kerana Nabi Ibrahim a.s. tidak menoleh, maka Hajar bertanya lagi, "Adakah ini perintah Allah?"

Setelah beberapa hari berselang, habislah makanan dan air yang ditinggalkan Nabi Ibrahim a.s. Akibatnya air susu Hajar menjadi kering. Hajar lalu pergi ke Bukit Safa dan Bukit Marwah untuk melihat jika ada orang yang dapat memberi mereka makanan dan minuman. Tujuh kali Hajar berulang alik diantara dua bukit itu. Maka pada kali yang ketujuh, Hajar melihat malaikat menjelma dan memukul sayapnya ke bumi, maka keluarlah air di tempat itu.

Menurut riwayat lain, air itu memancar dekat kaki Ismail sewaktu ia menangis dan menghentak-hentakkan kakinya di tempat itu.

# ZIARAH MAKKAH

## SEBAHAGIAN DARI TEMPAT BERSEJARAH DI MAKKAH

**MAULID RASUL** Tempat lahir Nabi Muhammad s.a.w.
Yang sekarang dijadikan kutubkhanah berhadapan dengan mas'a.

**GUA HIRA'** terletak di atas Jabal Nur. Sebelum Nabi Muhammad s.a.w dilantik menjadi Rasul, baginda sering ke sini untuk mengasingkan diri dan berfikir tentang alam semesta dan Pencipta alam semesta ini. Di sinilah Baginda mendapat wahyu yang pertama.

اِقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ. خَلَقَ الإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ. اِقْرَأْ
وَرَبُّكَ الأَكْرَامَ. الَّذِي عَلَّمَ بِالقَلَمِ. عَلَّمَ الإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ.

Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhanmu Yang menciptakan.
Dia telah menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah
dan Tuhanmulah Yang Maha pemurah. Yang mengajarkan kepada
manusia apa yang tidak diketahuinya.

**SURAH AL-ALAQ, AYAT 1-5**



Jabal Nur


Masjid Tanaim

## GUA THUR

Di mana Rasulullah s.a.w. dan Abu Bakar r.a. menyembunyikan diri mereka untuk seketika semasa pelarian mereka ke Madinah. Inilah gua di mana sepotong ayat diwahyukan menyebut Abu Bakar r.a. "Sahabat kedua daripada dua orang" sementara mereka berada di dalam gua itu.

## MASJID TANAIM

Dinamakan juga Masjid Aisyah. Kerana pada masa Nabi s.a.w. melakukan haji, Siti Aisyah dalam uzur maka dia tidak dapat mengerjakan Umrah. Selepas haji, Nabi s.a.w. menyuruh Abdul Rahman, adik Aisyah agar membawa Aisyah ke Tana'im untuk berniat Umrah.

## PERKUBURAN MAALA

Tanah perkuburan lama Makkah di mana Saidatina Khadijah r.a. dikebumikan. Kelebihan mengenai perkuburan ini dijelaskan di dalam banyak hadis.

## MASJID AL-RAYAH

'Rayah' bererti bendera. Masjid ini terletak berhampiran dengan jalan ke kuburan Ma'lah. Diriwayatkan, apabila Rasulullah s.a.w. berjaya memasuki Makkah lalu diletakkan bendera kemenangan, kemudian didirikan masjid di situ.

## HUDAIBIYAH

Sekarang ini dikenali sebagai Syumaisiyah - tempat Nabi s.a.w dan para sahabat mengambil Bai'atul-Ridwan, iaitu tempat mereka ditahan dari memasuki Makkah untuk Umrah.


Hudaibiyah

## MASJIDUL JIN

Tempat di mana para jin pernah berkumpul untuk mendengar syarahan daripada Rasulullah s.a.w. Satu ketika Rasulullah s.a.w. membawa Abdullah bin Mas'ud r.a. bersama-samanya ke arah mereka, meninggalkan Abdullah ra. beberapa jarak jauhnya dan baginda sendirian pergi memberi penerangan Al-Quran kepada mereka.

## MASJIDUL JIRANAH

Tempat di mana Rasulullah memakai ihramnya untuk umrah selepas kembali daripada Taif selepas penaklukan Makkah.



Masjid Syajarah

## MASJID SYAJARAH

Dikenali sebagai Masjid Pohon, ia terletak tidak jauh dari Masjid Jin. Pada masa dahulu ada sepohon pokok terdapat di sana, maka pada suatu ketika sedang Rasulullah s.a.w berada di Masjid Jin, baginda memanggil pokok tersebut. Maka datanglah ia kepada Nabi s.a.w., membelah bumi dengan akar-akarnya. Kemudian dia pun kembali ke tempat asalnya.



Masjid Jin

## MASJID KHIF

Terletak di Mina. Berkata Mujahid, "Telah melakukan haji seramai 75 Nabi, kesemua mereka telah tawaf di Baitullah, dan solat dalam Masjid Mina (Khif), maka jika kamu boleh melakukan solat di dalamnya, maka lakukanlah."

## MASJID IBRAHIM

Masjid ini terletak di Arafah dan ia dinamakan juga Masjid Namirah.

## ARAFAH

Sebuah padang yang luas dan dikelilingi oleh bukit-bukit dan pokok-pokok. Di sini terdapat Jabal Rahmah. Mengikut riwayat, Rasulullah s.a.w. berwukuf berdekatan batu-batu besar dipinggir Jabal Rahmah.

Pada 9 Zulhijjah, jemaah haji akan berada di Arafah untuk melakukan salah satu dari rukun haji.

Ibadah wukuf bermula dari waktu Zohor hingga terbit fajar 10 Zulhijjah. Diriwayatkan bahawa Nabi Adam a.s. dan Siti Hawa bertemu semula di Arafah setelah mereka terpisah sejak diturunkan dari syurga.

## MUDZALIFAH

Mudzalifah atau Masy'aril-Haram terletak di antara Arafah dengan Mina. Di sini terdapat sebuah masjid yang digunakan oleh jemaah haji semasa mereka mengerjakan solat Maghrib dan Isyak secara jamak takhir pada malam hari Nahar. Di sini juga tempat para jemaah haji memungut batu untuk melontar di ketiga-tiga jamrah yang terletak di Mina. Pada hari ini, kawasan Mudzalifah dapat dikenali dengan papan tanda 'Mudzalifah Begin' dan 'Mudzalifah End'.

## MINA

Jauhnya Mina dari Makkah ialah 7km dan 14.9 km dari Arafah. Di sana ada sebuah masjid yang bernama Masjid Khif. Dan di Mina jugalah terletak 3 jamrah:

1. Jamrah Ula (jamrah yang pertama)
2. Jamrah Wusta (jamrah yang berada di tengah-tengah)
3. Jamrah Aqabah (jamrah yang ketiga)



Arafah

# MADINAH AL-MUNAWWARAH




Madinah bererti 'kota' dan Munawwarah pula bererti 'yang dicahayakan'. Sebelum Rasulullah s.a.w berhijrah, kota tersebut dikenal dengan 'Yathrib'. Kemudian setelah hijrah, baginda melarang memanggil Madinah dengan 'Yathrib' yang bererti 'kerosakan'.

Selain dinamakan Madinah, ia mempunyai nama-nama lain antaranya Toiyibah (baik), Ardul-Hijrah (tanah hijrah), Tanah Haram Rasulullah and Darul Iman (rumah iman).

## MASJID NABAWI

Menurut sejarah, apabila Rasulullah s.a.w berhijrah ke Madinah, baginda berkenderaankan unta yang bernama Qaswak. Ramai kaum Ansar yang mengalu-alukan ketibaan baginda dan mempelawa baginda singgah dan tinggal bersama-sama mereka. Tetapi tawaran mereka semua ditolak kerana menurut baginda, unta itu dalam perintah.

Unta itu akhirnya berhenti di tanah milik dua anak yatim, Sahil dan Suhail, anak kepada Anir bin Amarah. Pada waktu itu, tempat tersebut masih digunakan untuk mengeringkan buah kurma. Selanjutnya, baginda tinggal bersama-sama Abu Ayub di rumahnya.

Tidak beberapa lama, Rasulullah s.a.w bercadang untuk membina sebuah masjid di atas tanah milik As'ad bin Zurarah, sebahagian dari tanah anak-anak yatim itu, dan sebahagian lagi tanah perkuburan kaum musyrikin yang telah rosak.

Tanah milik anak yatim itu dibayar oleh Abu Bakar dengan harga 10 dinar. Tanah perkuburan lama dan tanah As'as bin Zurarah pula diserahkan dengan sukarela kepada Nabi s.a.w.

Tanah-tanah itu diperbaiki bersama-sama oleh sekalian sahabat Muhajirin dan Ansar. Mereka kemudian bekerjasama mendirikan masjid tersebut.

Seperti Masjidil Haram, masjid ini telah melalui pelbagai pembetulan dan pembesaran hingga ke hari ini.

# PETA KAWASAN MASJIDIL NABAWI

1 The Oberoi Hotel
2 Al Muna Kareem Hotel
3 Dar Al Taqwa Hotel
4 Madinah Hilton
5 Movenpick Hotel



## RAUDHAH

Raudhah adalah tempat di antara mimbar dengan perkuburan Nabi s.a.w.
Baginda bersabda: "Diantara rumahku dan mimbarku ialah Raudhah (taman) dari taman-taman syurga dan mimbarku diatas telaga (kautsar)ku."

## WAKTU RAUDHAH

(OPENING HOURS)
LELAKI - Dibuka 24 Jam

WANITA - Dari Subuh hingga 8 pagi, selepas Isya' hingga 12 tengah malam.

## DI DALAM MASJIDIL NABAWI







(Menurut riwayat Nafi' bin Na'm)

# ZIARAH MADINAH

## SEBAHAGIAN DARI TEMPAT BERSEJARAH DI MADINAH

### MASJID QUBA

Masjid pertama yang dibina dalam sejarah Islam berasaskan taqwa dan iman yang padu. Dalam satu riwayat yang sahih, Rasulullah selalu ke Masjid Quba pada tiap-tiap hari Sabtu samaada dengan menaiki unta ataupun berjalan kaki. Adakalanya Rasulullah pergi pada hari Isnin dan Khamis. Rasulullah juga bersabda yang bermaksud, "Sesiapa yang berwudhu dirumahnya, kemudian pergi ke Masjid Quba untuk bersolat, akan diberi pahala seperti menunaikan Umrah."

### LOKASI

Masjid ini terletak di perkampungan Quba kira-kira 3km dari arah selatan bandar Madinah. Nama Quba diambil dari nama sebuah telaga yang berada di tempat itu. Masjid ini berbentuk empat persegi dan luas kawasannya kira-kira 5,035 meter persegi.

### SEJARAH PEMBINAAN

Ketika Rasulullah tiba diperkampungan Quba dalam perjalanan hijrah dari Makkah ke Madinah, baginda tinggal di sana selama empat hari bersama Bani Amru bin Auf dirumah Kalthum bin Al-Hadm. Pada hari pertama itulah baginda terus membina Masjid Quba yang menjadi masjid pertama dibina dalam sejarah umat ini.

### TEMPAT SOLAT NABI

Mihrab yang ada sekarang bukanlah tempat solat Rasulullah. Menurut ahli sejarah As Samhudi dan Ibnu Abi Laila, tempat solat Rasulullah terletak dibahagian timur tiang yang rosak dan barisan tiang baru telah diletakkan berhampiran mihrab itu.






## MASJID AL-QIBLATAIN

Terletak ditengah-tengah perkampungan Bani Salamah iaitu di sebelah barat daya Madinah. Masjid ini dinamakan Masjid Qiblatain yang bermaksud 'Masjid Dua Kiblat.' Sewaktu baginda sampai ke Madinah, baginda diarahkan supaya menghadap kiblat solat ke arah Baitul Maqdis dan ramai penduduk Madinah ketika itu dari kaum Yahudi yang memang berkiblat ke arah itu. Mereka sangat gembira dengan perbuatan Rasulullah sedangkan baginda lebih suka jika kiblat solat ditukar kearah Baitullah. Baginda sentiasa berdoa dan memandang ke langit mengharapkan turunnya wahyu mengizinkan kiblat berpaling ke Baitullah. Ada riwayat mengatakan bahawa orang-orang Yahudi sentiasa memperli Rasulullah dengan berkata,"Muhammad menentang ajaran kita tetapi solatnya mengikut kiblat kita". Akhirnya selepas 16-17 bulan menghadap ke Baitul Maqdis, barulah baginda mendapat perintah berkiblatkan Kaabah seperti firman Allah Taala dalam surah Al-Baqarah ayat 144.

## MASJID JUMA'AH

Ia terletak ditengah 'Kebun Tamar' di Wadi (lembah Ranauna) di perkampungan Bani Salim bin Auf. Jaraknya kira-kira setengah kilometer dari utara Masjid Quba dan 2.5km dari bandar Madinah. Setelah empat hari di Quba, Rasulullah keluar dari Quba pada hari Jumaat menuju bandar Madinah dan ketika baginda tiba di Wadi Ranauna iaitu berhampiran perkampungan Bani Salim bin Auf, waktu solat Jumaat telah masuk, lalu baginda menunaikan solat Jumaat di tengah Wadi itu. Itulah solat Jumaat yang pertama yang didirikan Rasulullah selepas hijrah secara terang. Kemudian sebuah masjid dibina di tempat tersebut dan dinamakan Masjid Juma'ah. Masjid ini juga dikenali sebagai 'Masjid Wadi' dan 'Masjid Atikah' dan kekal sehingga sekarang dengan binaannya yang indah.

# AL-BAQI: PETA PERKUBURAN




**KETERANGAN**

1. Makam Ahlul Bait (Abbas, Fatimah, Hassan, Ali Bin Hussein, Ja'far Sodiq)
2. Makam putri-putri Rasulullah (Ummu Kalsum, Ruqaiyah Zainab)
3. Makam-makam istri-istri Rasulullah (Aisyah, Saudah, Hafsah, Ummu Salamah, Sofiyah, Juwairiyah, Ummu Habibah, Zainab binti Jahasy, Zainab binti Khuzaimah, Radiyallahu anhum ajmain)
4. Makam Aqiel bin Abi Tholib dan Abdullah bin Jafar Attayyar
5. Makam Sofiah binti Abi Tholib (Bibi Rasulullah)
6. Makam Imam Malik dan Imam Nafi'
7. Makam Ibrahim (putra Rasulullah)
8. Makam Suhada Harra
9. Makam Usman bin Affan
10. Makam Halimah As Sa'adiyah (ibu susu Rasulullah)

## DOA ZIARAH AL-BAQI

اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ دَارَ قَوْمٍ مُؤْمِنِيْنَ، وَإِنَّا إِنْ شَاءَ اللّٰهُ بِكُمْ لَاحِقُوْنَ،
أَنْتُمْ سَلَفُنَا وَنَحْنُ بِالْأَثَرِ، يَغْفِرُ اللّٰهُ لَنَا وَلَكُمْ وَيَرْحَمُ الْمُسْتَقْدِمِيْنَ
مِنْكُمْ وَالْمُسْتَأْخِرِيْنَ، اَللّٰهُمَّ لَا تَحْرِمْنَا أَجْرَهُمْ وَلَا تَفْتِنَّا بَعْدَهُمْ
وَاغْفِرْ لَنَا وَلَهُمْ، اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِأَهْلِ الْبَقِيْعِ الْغَرْقَدِ.

*"Salam sejahtera ke atasmu wahai orang-orang mukmin yang tinggal di sini, sesungguhnya kami akan mengikuti kamu, kamu adalah orang-orang yang terdahulu dari kami, dan kami adalah pengikut-pengikutmu. Mudah-mudahan Tuhan mengampunkan kami dan kamu, dan mengasihani mereka yang terdahulu dan terkemudian. Ya Allah, janganlah Engkau kecewakan kami dari mendapat pahala amalan mereka dan janganlah Engkau fitnahkan kami selepas mereka. Ampunilah dosa kami dan mereka, dan ampunilah dosa Ahli Baqi."*

# RAHSIA KURMA



Kurma telah disebutkan dalam Al-Quran sebagai kurniaan Allah kepada manusia dan mempunyai banyak khasiat termasuk vitamin, mineral serta kaya dengan potassium. Kandungannya mempunyai 2.5 kali ganda lebih daripada pisang.

Memakan kurma sewaktu berbuka Ramadhan adalah sunnah Rasulullah. Dengan memakan kurma terlebih dahulu, perut tidak akan terasa terkejut dengan menerima makanan secara mendadak. Ia juga memberikan tambahan tenaga. Ia juga boleh menajamkan penglihatan, pendengaran dan panca indera.

## PANDUAN KURMA

### KURMA AJWA'

Sabda Rasulullah s.a.w: Barangsiapa makan kurma Ajwa' setiap pagi tujuh biji, boleh tahan racun dan sihir pada hari itu. Kurma Ajwa' diriwayatkan sebagai kurma tanaman Nabi Muhammah s.a.w. Kurma Ajwa' adalah yang termahal jika dibandingkan dengan kurma lain. Ia mempunyai tiga jenis - yang termahal berharga hingga SR$120 dan yang paling murah berharga SR$60 (mengikut harga pasaran).

### KURMA ANBARAH

Juga dikenali sebagai kurma Ambar. Kurma ini besar bentuknya dan yang kedua termahal berbanding dengan Ajwa'. Dinasihatkan para jemaah untuk mengopek kurma ini dan pastikan kurma tidak berulat.

### KURMA MABROOM

Rasanya seakan gula melaka. Warnanya seperti coklat tua.

### KURMA SUKKARY

Ia mempunyai rasa yang amat manis sekali dan biasa dimakan bila seseorang memerlukan tenaga dan stamina.

### KURMA SOFRY

Mengandungi kandungan serat (fibre). Warnanya coklat muda.

# NOTA

BAHAGIAN 6

# DOA & WIRID

## TAKBIR HARI RAYA

اَللهُ اَكْبَرُ, اَللهُ اَكْبَرُ , اَللهُ اَكْبَرُ

,لاَ اِلَهَ اِلاَّ اللهُ وَاللهُ اَكْبَرُ, اَللهُ اَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

اَللهُ اَكْبَرُ كَبِيْرًا وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيْراً,

وَسُبْحَانَ اللهِ بُكْرَةً وَاَصِيْلاً

لاَ اِلَهَ اِلاَّ اللهُ وَلاَ نَعْبُدُ اِلاَّ اِيَّاهُ مُخْلِصِيْنَ لَهُ الدِّيْنَ

وَلَوْكَرِهَ الْكَافِرُوْنَ , لاَ اِلَهَ اِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ

صَدَقَ وَعْدَهُ وَنَصَرَ عَبْدَهُ , وَاَعَزَّهُ جُنْدَهُ وَهَزَمَ

وَاَعَزَّهُ جُنْدَهُ وَهَزَمَ اَلاَحْزَابَ وَحْدَهُ

لاَ اِلَه اِلاَّ اللهُ وَاللهُ اَكْبَر , اَللهُ اَكْبَر وَلِلَّهِ الْحَمْدُ .

# WIRID & DOA DI MINA, ARAFAH, MUZDALIFAH

## DOA KETIKA TIBA DI MINA

